

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

*Al-‘adad wa al-ma‘du:d* (العَدُّ وَالْمَعْدُودُ) adalah merupakan salah satu tajuk penting dalam pengajaran Nahu Arab. Boleh dikatakan semua kitab Nahu Arab, sama ada yang lama atau yang moden mengkhususkan satu bab untuk membincangkan mengenai topik ini. Ibn Ma:lik (2000,Vol.2:186) dan Ibn Hisha:m al-Ansa:riy (1994,Vol.4:231) contohnya, membincangkannya di dalam satu bab khusus yang dinamakan “*Ba:b Al-‘Adad*”. Begitu juga dengan Ibn ‘Aqi:l (1995,Vol.2:372) yang mengkhususkan satu bab yang dinamakan “*Al-‘Adad*”. Nahuan Arab moden seperti ‘Abduh al-Ra:jhiyy (*a*) (1988:401) dan Mahmu:d Husayniy Magha:lasat (1991:527) juga memasukkan tajuk ini sebagai topik khusus di dalam kitab karangan mereka.

*Al-‘adad wa al-ma‘du:d* juga merupakan tajuk penting yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab (BA) di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Tajuk ini telah dimasukkan dalam sukanan pelajaran BA di hampir semua tingkatan, sama ada di peringkat Menengah Rendah atau Menengah Atas.

Di dalam sukanan baru BA tingkatan satu, dua dan tiga yang diperkenalkan mulai tahun 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2006:31) menetapkan bahawa selepas para pelajar menamatkan sesuatu sukanan, sama ada di tingkatan satu, dua atau tiga, mereka mestilah dapat mengenal *al-‘adad wa al-ma‘du:d* dengan sebaiknya, mengetahui

penggunaannya daripada aspek maskulin dan feminin serta dapat membentuk ayat mudah dengan menggunakan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* dengan betul. Malah di dalam buku teks baru yang diperkenalkan ini, setiap pelajaran akan diakhiri dengan satu topik berkaitan dengan “*al-a'da:d wa al-arqa:m*”. Setiap buku teks dibahagikan kepada sepuluh pelajaran, bererti pelajar akan mempelajari sepuluh topik juga setahun perbincangan mengenai “*al-a'da:d wa al-arqa:m*” ini.

Manakala dalam huraian Sukatan Bahasa Arab Tinggi (BAT) Tingkatan Lima (2003:40), penekanan yang lebih telah dibuat agar pelajar dapat menguasai tajuk ini dengan baik. Di antara objektif pembelajaran yang digariskan ialah pelajar akan dapat mengetahui hukum *i'ra:b* berkaitan *al-'adad wa al-ma'du:d*, menentukan *al-'adad wa al-ma'du:d* dari segi persamaan atau sebaliknya pada kata bilangan, menggunakan *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam semua situasi serta mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul mengenai *al-'adad wa al-ma'du:d* sebagai hasil akhir pembelajaran tajuk ini.

Berdasarkan kepada pernyataan yang telah dijelaskan ini, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah pelajar-pelajar yang mempelajari BA di sekolah-sekolah menengah di Malaysia telah didedahkan sepenuhnya kepada topik *al-'adad wa al-ma'du:d* ini. Mereka telah mempelajarinya sejak dari awal lagi dan sepatutnya telah menguasai topik ini seperti mana yang telah digariskan dalam objektif Huraian Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Arab. Bertitik tolak daripada kenyataan inilah, kajian ini dibuat untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar mengenai topik yang dikaji ini serta permasalahan yang timbul yang mungkin merencangkan usaha dalam menguasainya dengan sebaik mungkin.

## **1.2 Masalah Kajian**

Pelaksanaan kurikulum dan pembelajaran BA di sekolah-sekolah di Malaysia adalah bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai kemahiran dalam BA serta menguasainya dengan baik. Pernyataan matlamat umum pengajaran dan pembelajaran BA ini seperti yang dijelaskan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2006:5) adalah:

*Pengajian Bahasa Arab di peringkat menengah bermatlamat untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran bahasa yang empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta mempraktiskannya berdasarkan kepada situasi tertentu, menambahkan perbendaharaan kata mereka, menguasai kaedah-kaedah Nahu, Saraf dan bahan hafazan terpilih dan meningkatkan kemampuan mereka bagi menggunakan bahasa dengan betul, di samping menyemai nilai-nilai Islam dan akhlak yang mulia.*

Menurut Zainal Abidin (1990) dalam Hassan Basri Awang Mat Dahan (tt:65) sejarah kurikulum BA di Malaysia bermula pada tahun 1977, apabila kurikulum BA di sekolah menengah mula digubal secara rasmi. Serentak dengan itu, sebanyak 11 buah sekolah agama negeri dan rakyat telah diambil alih pentadbirannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah-sekolah berkenaan kemudiannya dinamakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pada tahun 1988, Kementerian Pelajaran telah membuka Kelas Aliran Agama (KAA) yang menawarkan mata pelajaran BA di sekolah-sekolah menengah harian. Sehingga kini, terdapat 55 buah sekolah SMKA dan lebih daripada 543 buah sekolah menengah harian yang menawarkan KAA.

([http://www.bpi.edu.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=64&Itemid=97](http://www.bpi.edu.my/index.php?option=com_content&task=view&id=64&Itemid=97), 16 Oktober 2009).

Pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah memutuskan supaya nama Bahasa Arab diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain itu, JKP juga telah meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan mula dilaksanakan pengajarannya pada tahun 1992. (JAPIM, KPM; 1998:2)

Pada tahun 2006, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, JAPIM sekali lagi menukar nama mata pelajaran ini kepada Bahasa Arab dan melakukan beberapa perubahan kepada kurikulum BA. Mulai tahun 2008, pelajar-pelajar yang mempelajari BA di sekolah-sekolah bantuan kerajaan atau di bawah naungan KPM telah menggunakan sukanan yang baru. Di dalam huraihan sukanan BA yang baru ini (2006:3), dinyatakan bahawa paksi utama yang dititik beratkan dalam sukanan ini ialah mengajar sistem bahasa secara tidak langsung, secara berperingkat-peringkat seterusnya diajar secara langsung apabila kemampuan berfikir pelajar telah bertambah dan sesuai.

Mata pelajaran BA telah ditawarkan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), manakala mata pelajaran BAT hanya ditawarkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kedua-dua mata pelajaran ini mempunyai sukanan pelajaran dan huraihan sukanan pelajaran yang berbeza. Begitu juga dengan format peperiksaan dan buku teks.

Walaupun sekian lama diajar dan didedahkan kepada masyarakat Malaysia khususnya yang beragama Islam tentang bahasa ini, penguasaan kemahiran berbahasa untuk bahasa ini, sama ada kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur atau kemahiran

menulis dalam kalangan masyarakat Malaysia secara umumnya atau dalam kalangan pelajar BA secara khususnya masih lagi di tahap yang sederhana.

Ismail Ibrahim dalam Ab. Halim Mohamad (2002:10) menyatakan bahawa, kalau kita meninjau ke sekolah-sekolah menengah agama di seluruh negara dan meninjau pendapat guru-guru sekolah tersebut tentang pencapaian BA pelajar di sekolah-sekolah menengah dan pensyarah-pensyarah BA di Universiti, mereka menyatakan bahawa mutunya telah jatuh begitu rendah, pencapaian pelajar-pelajar begitu lemah dan menurun.

Ab. Halim Mohamad (2002:9) pula menyatakan bahawa tahap penguasaan BA dalam kalangan pelajar-pelajar yang telah melepassi peringkat sekolah menengah yang berjaya memasuki pusat-pusat pengajian tinggi tempatan adalah lemah, khususnya daripada segi penguasaan frasa Arab. Mereka banyak melakukan kesalahan bahasa daripada segi frasa selain daripada unsur-unsur nahu yang lain sama ada ketika bercakap, membaca teks atau menulis.

Ismail Hj. Ibrahim (1974:14) menyatakan di antara masalah utama yang dihadapi oleh orang-orang yang bahasa asalnya Bahasa Melayu (BM) dalam mempelajari BA ialah:

- a) Masalah fonologi atau sebutan huruf-huruf Arab yang tidak ada dalam Bahasa Melayu seperti ح ، ث ، ط ، ذ ، ض ، ظ ، ف ، ع and ع.
- b) Masalah morfologi atau penambahan yang begitu banyak dalam satu kata dasar BA dan agak asing bagi BM seperti kata كتب yang menjadi كتبنا - كتبوا - كتبت - كتبتم and kemudian كتاب - مكتوب - يكتب - نكتب - نكتب and sebagainya.
- c) Masalah struktur ayat yang tidak ada dalam BM seperti ayat دَهْبَ حُمَّادْ dalam Bahasa Melayunya “Pergi Muhammad”.

- d) Masalah transliterasi atau menulis perkataan Arab dalam BM yang tidak mempunyai satu sistem yang seragam dalam melahirkan bunyi-bunyi huruf Arab yang asing bagi BM seperti yang disebutkan dalam masalah fonologi (a) di atas.
- e) Masalah kata pinjaman dari BA juga menimbulkan masalah sebutan bagi orang-orang yang berbahasa Melayu, contohnya nama-nama Arab yang telah dimelayukan; Hali:m (حليم) dalam BA telah bertukar menjadi Ha:li:m (حاليم) apabila ditulis dalam BM. Begitulah juga Fa:timat (فاطمة) menjadi Fati:mat (فاطيمة), Nu:r al-Di:n (نور الدين) menjadi Nu:rdi:n (نور الدين) dan sebagainya.

Melalui pengalaman pengkaji yang telah hampir 10 tahun berkhidmat sebagai pengajar BA di sekolah-sekolah aliran KAA, pengkaji mendapati kemahiran-kemahiran asas bahasa dalam kalangan pelajar Melayu masih lemah. Mengenai tajuk yang akan dikaji iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d*, pelajar kebiasaannya gagal untuk membezakan di antara padanan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* dengan baik. Penentuan tanda *i'ra:b* yang sesuai bagi *al-'adad* atau *al-ma'du:d*, perbezaan gender yang banyak di dalam BA, perbezaan peraturan bahasa bagi setiap satu kelompok kata bilangan dan lainnya yang terdapat dalam BA agak mengganggu penguasaan mereka sehingga mereka cenderung melakukan kesalahan apabila menggunakan *al-'adad* dan *al-ma'du:d*.

Pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BA akan cenderung menggunakan unsur-unsur bahasa ibunda mereka dalam menggunakan *al-'adad wa al-ma'du:d* BA. Sebab itulah mereka akan menggunakan ayat-ayat seperti berikut اثناٰ كِتَاب (واحد كتاب) (sebuah buku), (dua buah buku) and السَّاعَةُ إِلَّهَى عَشْرَةً (السّاعَةُ إِلَّهَى عَشْرَةً) (pukul sebelas) dalam penulisan dan percakapan mereka.

Kelemahan ini jika tidak ditangani dengan baik dan berkesan, akan mendatangkan kesan negatif kepada pembelajaran dan pengajaran BA di semua peringkat sama ada sekolah, kolej ataupun universiti kelak.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian yang akan dilakukan ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif yang dirangka seperti berikut:

- a) Menganalisis tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d*, jenis-jenisnya, peraturan serta kaedah-kaedah yang berkaitan secara terperinci, tersusun dan lengkap
- b) Mengenalpasti kelemahan pelajar Melayu dalam konteks mempelajari dan memahami konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* BA secara khusus
- c) Mengenalpasti aspek *al-'adad wa al-ma'du:d* BA yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar serta puncanya
- d) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian berkesan dalam memahami dan menguasai topik yang dikaji ini

### **1.4 Soalan Kajian**

Berdasarkan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian dan objektif kajian yang telah diuraikan di atas, disertasi yang akan dilakukan ini akan menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah ahli bahasa dan linguistik Arab menghuraikan tajuk berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d*?
- 2) Apakah aspek *al-'adad wa al-ma'du:d* yang sukar untuk dikuasai oleh kebanyakan para pelajar?
- 3) Mengapakah para pelajar sukar menguasai dan mengaplikasi penggunaan *al-'adad wa al-ma'du:d*?
- 4) Apakah pendekatan yang lebih berkesan dalam memahami dan menguasai topik *al-'adad wa al-ma'du:d* ini?

### **1.5 Kepentingan kajian**

Tajuk yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan penguasaan salah satu aspek tatabahasa Arab. Pengkaji merasakan bahawa kajian ini penting kerana bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab kelemahan pelajar dalam menguasai tajuk ini. Kajian ini juga bertujuan untuk merungkai dan mencari punca kekeliruan yang berlaku dalam kalangan pelajar berkenaan tajuk yang dibincangkan serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya. Kajian yang dijalankan ini menekankan kepada konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA yang dianggap salah satu komponen yang paling sukar untuk dikuasai oleh para pelajar berbanding dengan bab-bab lain dalam tatabahasa Arab.

Daripada tinjauan awal, pengkaji mendapati sebahagian besar pelajar tidak dapat menguasai konsep perubahan dalam sistem *al-'adad wa al-ma'du:d* BA ini dengan baik. Tanda baris atau *i'ra:b* yang sentiasa berubah serta perbezaan kata bilangan daripada aspek kata tunggal atau kata jama' juga mengganggu penutur bukan natif BA apabila menggunakan *al-'adad wa al-ma'du:d* ini dalam penggunaan harian. Hal ini demikian

kerana adanya perubahan-perubahan yang melibatkan gender maskulin dan feminin, adanya perubahan yang melibatkan kata tunggal, kata pendua dan juga kata jamak, adanya pembahagian jenis *al-'adad* yang banyak, adanya perbezaan fungsi nahuan bagi *al-ma'du:d* mengikut jenis *al-'adad* sebelumnya serta berbagai-bagi lagi konsep yang tiada dalam BM. Justeru, pengkaji mendapati bahawa kajian ini penting bagi membantu mereka yang ingin memahami dengan lebih mendalam mengenai tajuk ini. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada guru-guru BA dalam menyampaikan tajuk ini dengan lebih berkesan.

## **1.6 Metodologi kajian**

Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa metod seperti pengumpulan data daripada teks Arab, analisis data dan kajian lapangan. Secara umumnya; metodologi kajian dapat dibahagikan seperti berikut:

### **1.6.1 Kajian Perpustakaan**

Sebahagian kajian ini menumpukan kepada kajian perpustakaan terutama sekali semasa proses melengkapkan perbincangan mengenai konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA. Dalam proses untuk menjayakan bahagian ini, buku-buku Nahu Arab sama ada yang lama atau yang moden dan hasil-hasil penyelidikan berkaitan akan dirujuk. Method ini digunakan sepenuhnya untuk menyiapkan bahagian ini kerana ianya merupakan kajian di peringkat teori yang memerlukan pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber primer dan sekunder dalam menganalisis tajuk kajian, jenis-jenisnya, peraturan serta kaedah-kaedah yang berkaitan secara terperinci, tersusun dan lengkap.

### **1.6.2 Kajian Lapangan**

Kajian lapangan pula akan melibatkan penggunaan kaedah soal selidik ke atas sejumlah responden yang akan dipilih secara rawak. Responden yang akan dipilih terdiri daripada pelajar-pelajar yang telah didedahkan dengan tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* ini. Tujuan soal selidik ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana pemahaman dan penguasaan mereka mengenai tajuk yang akan dikaji. Dalam kajian lapangan ini, terdapat tiga bahagian soal selidik yang akan dijalankan iaitu:

- a) Soal selidik berkaitan dengan latar belakang pelajar

Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapat maklumat penting berkenaan hal ehwal peribadi pelajar yang melibatkan umur, jantina, latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman belajar dan dorongan dalam mempelajari BA.

- b) Soal selidik berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran BA

Tujuan soal selidik bahagian ini ialah untuk mengenalpasti tahap minat responden dengan pembelajaran Nahu BA secara umum dan dengan tajuk kajian secara khusus. Soalan-soalan berkaitan dengan aspek kesukaran juga disediakan untuk mengesan masalah pembelajaran serta saranan-saranan yang difikirkan membantu untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA ini.

- c) Soal selidik berkaitan dengan penguasaan *al-'adad wa al-ma'du:d* BA

Ujian dalam bahagian ini adalah merupakan ujian menyeluruh yang merangkumi semua topik yang terkandung dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* BA. Tujuan

ujian ini adalah untuk menilai dan mengukur tahap penguasaan pelajar dalam menggunakan konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* BA daripada aspek feminin, maskulin, gender, *i'ra:b* dan sebagainya.

Dapatkan kajian daripada soal selidik ketiga-tiga bahagian akan diproses mengikut bahagian-bahagian tertentu berdasarkan kepada analisis diskriptif. Melalui analisis diskriptif ini, peratusan, min dan taburan skor akan digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang responden, pendapat responden berkaitan pembelajaran dan pengajaran BA serta penguasaan dalam tajuk kajian iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d* BA. Jadual dan graf akan digunakan bagi memaparkan dapatan kajian berkenaan untuk membantu pembaca menginterpretasi data yang dibentangkan dengan lebih mudah.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya menumpukan kepada tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA sahaja. Ini bermakna kesalahan-kesalahan bahasa yang lain tidak diambil kira dalam melakukan kajian dan menganalisis data.

Kajian ini juga dihadkan hanya kepada 100 orang responden sahaja yang akan dipilih secara rawak daripada dua buah sekolah menengah agama di daerah Kuala Kangsar, Perak iaitu al-Madrasat al-Idri:siyyat, Kuala Kangsar dan juga SMA Ma'had al-Mi:zan, Manong, Perak. Pelajar-pelajar yang dipilih adalah merupakan pelajar-pelajar tingkatan lima sekolah terbabit. Pemilihan responden ini dilakukan memandangkan tajuk kajian merupakan salah satu tajuk di dalam sukanan Nahu BAT tingkatan lima dan mereka juga merupakan calon-calon yang akan menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi.

Pengkaji menjadikan pelajar tingkatan lima di kedua-dua sekolah ini sebagai responden kajian kerana:

- 1) Pengkaji berhasrat untuk mendapatkan gambaran dan maklumat yang lebih jelas tentang pencapaian pelajar-pelajar dalam menguasai tajuk kajian.
- 2) Pelajar-pelajar di dua lokasi kajian telah mengikuti sukanan pelajaran BA yang sama iaitu sukanan BAT yang dikeluarkan oleh KPM dan juga sukanan pelajaran BA yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Diharap hasil daripada analisis kajian nanti akan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai penguasaan pelajar di tahap yang sama terhadap tajuk kajian.
- 3) Pelajar-pelajar di dua lokasi kajian telah mencapai kejayaan memberangsangkan dalam mata pelajaran BAT SPM yang mana al-Madrasat al-Idri:siyyat telah mendapat 98.7% lulus, manakala SMA al-Mizan telah berjaya mendapat 89.9% lulus pada tahun 2008.

Sedikit maklumat mengenai sekolah-sekolah yang dijadikan latar kajian adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Al-Madrasat Al-Idri:siyyat**

Al-Madrasat al-Idri:siyyat merupakan sebuah sekolah agama kerajaan Negeri Perak yang terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Madrasat ini telah ditubuhkan pada tahun 1917 M dan mula beroperasi pada tahun 1922 M/1340 H.

Menurut Musa Bin Zainuddin dalam Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000:12) Al-Madrasat Al-Idri:siyyat mendapat nama sempena nama pengasasnya iaitu Sultan Idris Murshidul Aadzam Shah Ibni al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar, sultan dan

pemerintah negeri Perak dari 26 Julai 1887 M hingga 14 Januari 1916 M. Baginda yang hidup sezaman dengan beberapa ulama besar Perak seperti Tuan Haji Nawawi, Tuan Yunus Malim Nawar dan Tuan Haji Wan Muhammad telah mewakafkan sebahagian daripada harta baginda termasuklah 23 pintu kedai di pekan Kuala Kangsar untuk mentadbir tiga buah institusi penting di Kuala Kangsar iaitu Makam al-Ghufran, Bukit Chandan, Masjid Ridzwaniah dan al-Madrasat al-Idri:siyyat. Tapak madrasat ini yang seluas tiga ekar juga merupakan tanah wakaf baginda.

Menurut Taufik Suhaimi Bin Ahmad (1998:30) Al-Madrasat Al-Idri:siyyat merupakan sebuah institusi pendidikan Islam berbentuk sekolah yang pertama di negeri Perak.

Pada masa ini, sekolah ini diketuai oleh pengetuanya yang kelapan iaitu Tuan Haji Kamaruddin Bin Ahmad AMP, PPT, yang telah dilantik sebagai pengetua sekolah sejak tahun 1999.

Sekarang, madrasah ini mempunyai 42 orang tenaga pengajar dalam pelbagai bidang serta 550 orang pelajar, putera dan puteri. Jumlah guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran BA adalah berjumlah enam orang. Daripada jumlah itu, hanya seorang guru sahaja adalah guru yang berpengkhususan BA, sementara lima yang lain adalah daripada bidang pengkhususan bukan BA. Seramai empat orang guru merupakan lulusan luar negeri, manakala bakinya dua orang adalah lulusan institusi pengajian dalam negeri. Daripada keseluruhan jumlah guru BA berkenaan, lima orang merupakan guru lepasan ijazah manakala seorang adalah guru bukan ijazah. (temubual Tuan Haji Muhammad Asri B. Hamid, Ketua Panitia Bahasa Arab, Al-Madrasat Al-Idri:siyyat pada 22 Oktober 2009)

Salah satu keistimewaan sekolah ini ialah semua pelajarnya, sama ada lelaki atau perempuan tinggal di asrama. Mereka diwajibkan tinggal di asrama serta mengikuti semua program dan jadual yang telah diatur oleh pentadbiran sekolah. Menurut Musa Bin Zainuddin dalam Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000:12) madrasat ini berjaya mengekalkan tradisinya menjadi sekolah yang tidak mengenakan sebarang yuran dan menyediakan penempatan secara percuma kepada pelajarnya suatu masa dahulu hasil daripada keteguhan harta wakaf baginda Sultan Idris Murshidul Aadzam Shah Ibni al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar.

Sekolah ini terkenal kerana menjadi tumpuan pelajar-pelajar yang ingin mendalamai ilmu agama dan BA sejak sekian lama. Al-Madrasat al-Idri:siyyat ini telah melahirkan banyak tokoh-tokoh terkenal negara. Antara tokoh yang berjaya yang lahir daripada madrasat ini ialah Tuan Haji Abu Bakar Al-Bakir (pelajar tahun 1930-1931), Tuan Haji Mohd Nakhaie B. Hj. Ahmad (pelajar tahun 1956-1960), Tan Sri Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman, bekas Penasihat Agama Perdana Menteri bertaraf menteri (pelajar tahun 1957-1959) dan Dato' Seri Haji Harussani B. Haji Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak (pelajar tahun 1957-1959). (Mohd Azhar Bin Bahari, 2003:72). (*Gambar lokasi kajian ini disediakan di dalam lampiran A*)

### **1.7.2 SMA Ma‘had Al-Mi:zan**

SMA Ma‘had al-Mi:zan pada asalnya merupakan sekolah agama rakyat yang terletak di Manong, Kuala Kangsar, Perak. Sekolah ini telah dibuka pada tahun 1994. Penubuhannya telah diilhamkan oleh beberapa orang guru agama seperti Tuan Haji Megat Ridzuan Bin

Megat Taib, Tuan Haji Zakaria Bin Haji Sulaiman dan beberapa orang lagi yang menjayakan penubuhan sekolah agama ini. Idea penubuhannya terhasil daripada satu perjumpaan oleh bekas-bekas pelajar Madrasat Hida:yat Islamiyyat, Jeliang yang telah diadakan sempena sambutan Hari Raya Puasa tahun 1993.

Melalui perjumpaan ini, satu gagasan telah disepakati iaitu berusaha membina sebuah sekolah menengah agama di kawasan Jeliang, Manong, Perak sebagai kesinambungan kepada Madrasat Hida:yat Islamiyyat yang hanya menyediakan pengajian di peringkat rendah sahaja. Tujuan penubuhannya ialah untuk menyediakan peluang pendidikan agama yang lebih banyak dan luas kepada masyarakat setempat khususnya di kawasan Jeliang ini. Beberapa orang telah dilantik sebagai jawatankuasa pengelola pembinaan sekolah ini yang terdiri daripada:

Penasihat: Tuan Guru Haji Zakaria Haji Sulaiman

Pengerusi: Tuan Haji Megat Radzuan B Megat Taib

Setiausaha: En. Ahmad Bin Puteh Osman

Bendahari: Tuan Haji Azizi Bin Haji Ghazali

Ahli Jawatankuasa:

- 1) Ustaz Arif B. Sa'ya
- 2) Puan Salamah Bt. Harun
- 3) Puan Mariam Bt. Abdul Latif

Hasil usaha gigih daripada jawatankuasa pengelola dan juga sumbangan orang ramai, akhirnya pada bulan Disember 1994, bangunan pertama sekolah setinggi tiga tingkat yang berharga RM453,000.00 berjaya didirikan di atas tapak seluas 3 ekar yang dibeli dengan harga RM18,000.00.

Di awal pembukaannya, sekolah ini menggunakan nama Sekolah Menengah Agama Hida:yat Islamiyyat, sebagai kesinambungan daripada Madrasat Hida:yat Islamiyyat. Selepas dua tahun, barulah nama baru yang dikenali hari ini digunakan iaitu SMA Ma'had al-Mi:zan. Semasa pembukaannya pada 4 disember 1994, sekolah ini hanya mempunyai 60 orang pelajar, iaitu 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan serta tujuh orang guru termasuk seorang pengetua. Sesi pengajiannya pada masa itu dijalankan dengan menumpang sementara di bangunan Madrasat Hida:yat Islamiyyat di Jeliang selama empat bulan. Pada 1 April 1995 barulah pengajian di bangunan baru sekolah dimulakan.

Di antara tahun 1996 hingga 2003, sekolah ini menyaksikan pertumbuhan prasarana yang begitu pesat yang mana beberapa blok bangunan telah dibina bagi menampung jumlah pelajar yang sentiasa bertambah. Pada masa ini, sekolah ini memiliki tiga bangunan tiga tingkat untuk kelas pengajian, tiga bangunan asrama, satu bangunan dewan dan surau, satu bangunan yang menempatkan dewan makan dan kantin serta padang permainan. Kawasan sekolah telah dibesarkan dengan cara membeli tanah yang berhampiran dengannya dan keluasannya sekarang telah mencelah 12 ekar kesemuanya.

Pelajar-pelajar sekolah ini bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti, sama ada di peringkat daerah atau negeri. Bermula dari awal penubuhannya hingga sekarang, sekolah ini telah melahirkan ramai pelajar-pelajar yang telahpun berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti tempatan dan juga luar negeri. Sekarang, status sekolah ini telah dinaik taraf menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bermula dari tahun 2005. (temubual dengan Tuan Haji Zakaria Haji Sulaiman, pengasas dan pengetua pertama SMA al-Miza:n pada 3 Oktober 2009)

Pada masa kini, Ma‘had al-Mi:zan telah dikepalai oleh Tuan Haji Megat Radzuan B Megat Taib, yang telah dilantik memegang jawatan pengetuanya yang kedua sejak tahun 2000.

Sekarang, Ma‘had al-Mi:zan mempunyai 51 orang tenaga pengajar dalam pelbagai bidang serta 595 orang pelajar, putera dan puteri. Jumlah guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran BA adalah berjumlah sepuluh orang. Daripada jumlah itu, seramai lapan orang adalah guru yang berpengkhususan BA sementara dua yang lain adalah daripada bidang pengkhususan bukan BA. Seramai enam guru merupakan guru lulusan luar negeri, manakala bakinya empat orang merupakan lulusan institusi pengajian dalam negeri. Daripada keseluruhan jumlah guru BA berkenaan, lapan orang merupakan guru lepasan ijazah manakala baki dua orang lagi merupakan guru bukan ijazah. (temubual En. Kamarul Abrar B. Haji Zakaria, Penolong Kanan Pentadbiran SMA al-Mizan pada 3 Oktober 2009)

*(Gambar lokasi kajian ini disediakan di dalam lampiran A)*

### **1.7.3 Pengajaran BA di Lokasi Kajian**

Sebagai sekolah menengah agama, kedua-dua lokasi kajian mengamalkan kurikulum pengajaran dan pembelajaran BA yang agak berbeza dengan kurikulum BA di sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) atau Kelas Aliran Agama (KAA) di bawah naungan KPM. Ada penambahan kepada kurikulum BA berbanding dengan sekolah kendalian KPM kerana pelajar-pelajar yang belajar di sini akan menghadapi tiga peperiksaan awam yang berbeza dengan SMKA dan KAA. Tiga peperiksaan berkenaan ialah Sijil al-I‘da:diyy, iaitu semasa pelajar berada di tingkatan dua, Sijil al-Tha:nawiyy, semasa pelajar berada di tingkatan empat dan juga Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM),

iaitu semasa pelajar berada di tingkatan enam. Ini bererti pelajar-pelajar yang belajar di lokasi kajian akan menghadapi lima peperiksaan awam iaitu PMR, SPM, Sijil al-I‘da:diyy, Sijil Tha:nawiyy dan juga STAM.

Untuk memenuhi kehendak peperiksaan-peperiksaan tersebut, pelajar-pelajar di lokasi kajian mempelajari dua kurikulum BA serentak, iaitu kurikulum BA yang dikeluarkan oleh KPM dan kurikulum yang dikeluarkan oleh JAIPk.

Bagi kurikulum KPM, buku-buku teks yang dikeluarkan oleh KPM digunakan iaitu; Buku Teks BA Tingkatan Satu, Buku Teks BA Tingkatan Dua, Buku Teks BA Tingkatan Tiga, Buku Teks BAT Tingkatan Empat dan Buku Teks BAT Tingkatan Lima.

Sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan Sijil al-I‘da:diyy dan Sijil Tha:nawiyy pula, pelajar akan didedahkan dengan kurikulum yang dibahagikan kepada tiga tahap seperti berikut:

- 1- Al-i‘da:diyy : semasa responden berada di tingkatan satu dan dua
- 2- Al-awwal: al-tha:nawiyy : semasa responden berada di tingkatan tiga
- 3- Al-tha:ni: al-tha:nawiyy : semasa responden berada di tingkatan empat.

Kurikulum di ketiga-tiga tahap ini dikeluarkan oleh JAIPk selari dengan kurikulum di Ma‘had al-Azhar. Rujukan utama yang digunakan untuk pembelajaran Ilmu Nahu ialah kitab *al-Tuhfat al-Saniyyat Bi Sharh al-Muqaddimat al-A:jurru:miyyat* yang dikarang oleh Muhammad Mahyi al-Di:n ‘Abd al-Hami:d, sementara bagi ilmu Saraf, digunakan kitab *Matn al-Bina:’ Wa al-Asa:s* yang dikarang oleh ‘Abdullah al-Danqiriyy.

Pelajar-pelajar akan mempelajari kitab ini bermula daripada bab satu hingga bab lima bagi peringkat al-awwal al-tha:nawiyy dan akan mempelajari bab satu hingga bab dua belas bagi peringkat al-tha:ni: al-tha:nawiyy.

Di akhir pengajian tingkatan dua, pelajar-pelajar akan menduduki peperiksaan Sijil al-I‘da:diyy. Manakala di peringkat al-awwal al-tha:nawiyy, iaitu semasa berada di tingkatan tiga, tiada peperiksaan yang akan dihadapi oleh para pelajar. Manakala di penghujung pengajian di tingkatan empat, para pelajar akan menghadapi pula peperiksaan Sijil al-Tha:nawiyy.

Oleh kerana pengajian di al-Madrasat al-Idri:siyyat hanya setakat tingkatan lima sahaja, pengajian kurikulum al-tha:nawiyy akan berakhir dengan al-tha:ni: al-tha:nawiyy dan peperiksaan Sijil al-Tha:nawiyy sahaja. Pelajar-pelajar yang ingin mengambil peperiksaan STAM akan melanjutkan pelajaran mereka sama ada ke Madrasah Ta‘yah di Ipoh atau Ma‘had al-Tarbiyyat al-Isla:miyyat di Trong, Taiping atau SMA Dr. Nazrin Shah di Kg. Gajah, Perak setelah mereka menamatkan pengajian di tingkatan lima.

Walau bagaimanapun di SMA Ma‘had al-Mi:zan, pelajar-pelajar tingkatan lima akan terus didedahkan pula dengan sebahagian daripada kurikulum STAM. Pelajar-pelajar akan mempelajari sepertiga daripada kurikulum STAM di tingkatan lima kerana mereka akan menghadapi peperiksaan STAM, semasa berada di tingkatan enam. (temubual En. Wan Ismail B. Che Wan Omar, Ketua Panitia al-I‘da:diyy Dan al-Tha:nawiyy, al-Madrasat al-Idri:siyyat pada 22 Oktober 2009)

Begitulah sepintas lalu mengenai pengajaran dan pembelajaran BA di lokasi kajian yang dipilih.

## **1.8 Rangka kajian**

Untuk menjayakan disertasi ini, pengkaji akan membahagikan kajian ini kepada lima bab seperti berikut:

### **1.8.1 Bab 1**

Bab satu merupakan introduksi kepada disertasi ini. Perkara-perkara yang terkandung dalam bab ini ialah pengenalan, masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian yang akan digunakan, batasan kajian dan akhir sekali rangka kajian.

### **1.8.2 Bab 2**

Dalam bab dua, penulis akan memberikan tumpuan kepada perbincangan mengenai sorotan kajian terdahulu atau bidang yang berkaitan dengan tajuk disertasi. Sorotan ini bertujuan untuk melihat kepentingan menguasai Ilmu Nahu, kajian-kajian yang telah dijalankan dan mendapatkan maklumat serta pandangan para sarjana, terhadap kajian-kajian tersebut.

### **1.8.3 Bab 3**

Dalam bab tiga, pengkaji akan membincangkan mengenai takrif *al-'adad wa al-ma'du:d* menurut nahan Arab. Untuk memudahkan pemahaman mengenai tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* ini, pengkaji akan membahagikan perbahasan mengenai peraturan-peraturan berkaitan dengan topik ini kepada beberapa bahagian mengikut aturan yang sesuai. Seterusnya pengkaji akan mengkaji mengenai peraturan setiap bahagian yang berkaitan dengan topik serta mengemukakan contoh-contoh yang sesuai bagi setiap bahagian untuk

memudahkan pemahaman mengenai topik kajian. Contoh-contoh *i'ra:b* bagi setiap bahagian juga akan dibincangkan memandangkan *i'ra:b* merupakan salah satu daripada objektif yang terkandung di dalam Huraian Sukatan Pelajaran BAT Tingkatan Lima (Kementerian Pelajaran Malaysia; 2003:40).

#### **1.8.4 Bab 4**

Bab keempat adalah merupakan analisis dapatan kajian. Dalam bab ini, semua data yang diperolehi akan dikumpul kemudian diuraikan dengan terperinci. Data-data yang diperolehi akan dibentangkan sama ada dalam bentuk jadual atau graf, untuk memudahkan pembaca membuat banding beza terhadap data yang telah diperolehi.

#### **1.8.5 Bab 5**

Bab kelima adalah merupakan bab terakhir dalam disertasi ini. Dalam bab ini, akan dikemukakan rumusan kajian serta cadangan bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan pelajar terhadap tajuk yang dikaji.

### **1.9 Kesimpulan**

Akhir sekali, besarlah harapan pengkaji, agar kajian ini akan dapat dijadikan asas dan panduan dalam usaha untuk mengatasi masalah dalam pembelajaran dan pengajaran BA, terutamanya pada tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* ini. Penguasaan dan pemahaman sesuatu yang diajar dengan baik, akan meningkatkan minat dan kecenderungan seseorang untuk terus belajar dan menambahkan pengetahuan. Sebaliknya, kesamaran dan ketidakfahaman

yang berterusan, akan menjadi barah yang boleh membunuh minat dan kesungguhan seseorang. Bagi para pengkaji dan para penulis buku teks pula, adalah diharapkan hasil kajian ini, sedikit sebanyak akan dapat dijadikan panduan dalam penulisan buku teks, buku kerja dan kajian lanjutan mereka secara lebih mendalam pada masa akan datang.